

Tugasan Individu

Nama: Syaza Syaurah Binti Mohd Yusran

No. Matriks: A20EC0227

1) Bagaimana mewujudkan keseimbangan JERI dalam kehidupan seorang pelajar?

JERI adalah potensi-potensi insan iaitu emosi, intelek, rohani dan jasmani. Sebagai seorang pelajar, bagi mewujudkan keseimbangan JERI adalah dengan mengetahui dan memahami konsepnya dengan baik.

Dari segi emosi, seorang pelajar harus bijak dalam memahami serta mengawal emosi dalam dirinya. Emosi adalah penting dalam diri seseorang di mana ia juga merangkumi perilaku serta adab tertib seseorang dengan sekeliling. Jika pelajar gagal dalam memahami serta mengawal emosi sendiri, beliau mungkin akan menjadi seorang yang tidak stabil emosinya dimana mungkin akan wujudnya personality dan perilaku yang buruk yang akan membawa ketidakseimbangan kepada orang sekeliling.

Seterusnya, dari segi intelek pula, pelajar seharusnya menggunakan akal dengan sebaiknya untuk menimba ilmu yang baik dan banyak. Pelajar yang berintyelek akan dapat mengetahui beza antara baik dan buruk dalam sesuatu perkara. Dalam hal ini, intelek haruslah diutamakan oleh pelajar agar diri sentiasa dipenuhi ilmu dan bersemangat dalam menimba pengetahuan baru demi menajamin kehidupan yang berintegrasi.

Selain itu, dari segi rohani pula, pelajar seharusnya tahu dalam memastikan rohani mereka hidup dalam keadaan sihat. Rohani adalah penting dalam memastikan diri pelajar mendapat kesihatan jasad, minda dan emosi yang baik. Pelajar haruslah mengisi rohani mereka dengan sesuatu yang positif contohnya dalam islam, rohani seharusnya diisi dengan zikir, ibadah serta ritual agama yang lain bagi mendapat ketenangan hidup. Oleh itu, pelajar haruslah mengelilingi dirinya dengan unsur positif serta rapatkan diri dengan Tuhan agar ketenangan rohani dapat dirasakan.

Akhir sekali, dari segi fizikal pula, pelajar seharusnya mengamalkan gaya hidup yang aktif serta sihat dalam mendapatkan fizikal yang baik. Pelajar haruslah tahu potensi diri masing-masing dan seterusnya menggunakan ia untuk memberi manfaat kepada masyarakat. Tambahan lagi, fizikal yang baik adalah penting untuk mencapai kehidupan yang sihat dan terhindar dari segala penyakit berbahaya. Oleh itu pelajar haruslah bijak dalam mengatur jadual hidup untuk menyeimbangkan JERI dalam kehidupan.

2) **Bincangkan pemahaman tentang asal usul kejadian manusia dari perspektif pelbagai agama.**

Penciptaan manusia dari pandangan islam ialah manusia terjadinya dari dua unsur utama iaitu jasad dan roh. Kedua unsur inilah yang membentuk personaliti diri sebagai seorang manusia. Selain itu, Allah S.W.T juga telah membekalkan hati, akal dan nafsu bagi melengkapkan kejadian manusia. Proses manusia berkembang dari terciptanya manusia pertama iaitu Nabi Adam A.S yang dicipta dari tanah lalu seterusnya Hawa yang terbentuk dari tulang belakang Nabi Adam dan terjadilah pembiakan di mana terlahirnya generasi ke generasi hingga kini. Ini boleh dibuktikan dengan firman Allah S.W.T di dalam Alquran; "Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk" **Q.S Al-Hijr (15):26**

Seterusnya dari pandangan agama Kristian pula, dipercayai bahawa manusia pertama yang dibentuk ialah daripada debu tanah. Ini diterangkan di dalam Kitab Bible dimana mereka percaya terdapat dua Adam iaitu Adam pertama dan Adam terakhir. Adam Pertama dipercayai dicipta dari debu tanah dan kemudiannya ditiup roh nafas kehidupan ke dalam hidungnya. Seterusnya Adam dilahirkan dengan dosa di mana ia dipanggil dosa warisan dan dosa ini disucikan dengan lambing kesaliban Jesus.

Dari pandangan agama Buddha pula, salah satu kepercayaan mereka adalah mereka percaya manusia berasal daripada monyet. Manusia pada mulanya hanyalah makhluk yang tiada beza jantina atau bentuk tetapi ikut atas apa yang dimakan, maka badan manusia akan terbentuk seterusnya dapat membezakan diantara lelaki dan wanita. Lalu, mereka tertarik pada satu sama lain dimana terjadilah pembiakan dan generasi seterusnya.

Akhir sekali, dari pandangan agama hindu pula, manusia pertama yang wujud dipanggil Syayambhumanu yang bermaksud manusia yang berkembang sendirinya. Melalui kepercayaan mereka, manusia dicipta dari 6 rasa seperti masin, manis, pahit dan sebagainya. Kelahiran setiap manusia di dunia dianggap penderitaan dan malapetaka dalam agam mereka. Penderitaan ini hanyalah berakhir jika mereka benar insaf dan percaya bahawa roh mereka separuh daripda tuhan dan mereka akan mati serta bersatu dengan tuhan.